



4 Oktober 2021
4 October 2021
P.U. (A) 377

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PELAKSANAAN PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2021

INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE COSTS OF IMPLEMENTATION OF FLEXIBLE WORK ARRANGEMENTS) RULES 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PELAKSANAAN
PENGATURAN KERJA FLEKSIBEL) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“orang yang layak” ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

(b) suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*]; atau

(c) suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*],

dan bermastautin di Malaysia;

“pengaturan kerja fleksibel” ertinya pengaturan fleksibel bagi—

- (a) tempat bekerja;
- (b) penjadualan waktu kerja; atau
- (c) bilangan jam bekerja;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk memulakan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang layak daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang layak itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel berhubung dengan—

- (a) fi perundingan;
- (b) kos pembangunan keupayaan;
- (c) kos perisian; dan
- (d) langganan perisian.

(2) Bagi maksud subkaedah (1)—

- (a) pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel atau penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel sedia ada oleh orang yang layak

hendaklah diperakukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad;
dan

(b) permohonan oleh orang yang layak bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel atau penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel sedia ada diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad pada atau selepas 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022.

(3) Kos pembangunan keupayaan bagi pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel yang disebut dalam perenggan (1)(b) ialah—

(a) fi kursus atau program latihan;

(b) fi jurulatih dalaman;

(c) kos bahan latihan;

(d) kos penyewaan ruang latihan;

(e) fi peperiksaan; dan

(f) perbelanjaan perjalanan berkaitan latihan yang dilakukan oleh pekerja dan jurulatih seperti yang berikut:

(i) kos pengangkutan yang amaunnya adalah—

(A) berhubung dengan perjalanan dari luar Malaysia ke Malaysia atau dari Malaysia ke luar Malaysia, sama dengan tambang penerbangan kelas ekonomi; atau

(B) berhubung dengan perjalanan dalam Malaysia, sama dengan tambang penerbangan kelas ekonomi sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan udara, atau kos sebenar yang dilakukan sekiranya perjalanan menggunakan pengangkutan darat atau air;

(ii) kos penginapan tidak melebihi tiga ratus ringgit sehari; dan

(iii) perbelanjaan yang dilakukan bagi makanan tidak melebihi satu ratus lima puluh ringgit sehari.

(4) Perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan jumlah amaun perbelanjaan itu tidak boleh melebihi lima ratus ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran.

(5) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(6) Potongan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah bagi tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas yang perakuan pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel diberikan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad.

(7) Jika jumlah amaun apa-apa perbelanjaan yang sepatutnya boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini melebihi amaun yang, pada pendapat Ketua Pengarah, boleh dijangkakan dengan semunasabahnya dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan, Ketua Pengarah boleh, setakat amaun yang berlebihan itu, tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.